

TARIKH	1 / 11 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	6	RUANGAN	Dalam Negeri

Mangsa kemalangan cerita detik nahas

KUANTAN 31 Okt. - "Saya hanya mampu menjerit 'Allah' berulang kali semasa melihat suami saya tidak bergerak dengan kepala dan badannya berlumuran darah".

Demikian luahan isteri kepada seorang jemaah haji yang maut, Kamarudin Ab. Rahman, **Tuan Mazlinawati Tuan Abdullah**, 37, yang turut terlibat dalam kemalangan di Lebu Raya Pantai Timur (LPT) semalam.

Tuan Mazlinawati berkata, sebelum kejadian ngeri itu, dia duduk berseorangan di bahagian belakang penumpang manakala suaminya duduk di bahagian hadapan bersama pemandu.

"Sepanjang perjalanan saya hanya tidur kerana kepenatan. Apabila sadar saya dapati van yang dinaiki



TUAN MAZLINAWATI

sudah terbalik," katanya ketika ditemui pemberita selepas lawatan Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim ke rumah keluarga arwah di Taman Permatang Badak Maju di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Dakwah Islamiah dan Tugas-Tugas Khas negeri, Syed Ibrahim Syed Ahmad yang memimpin bacaan tahlil di rumah mangsa.

Tiga daripada lima jemaah haji yang dalam perjalanan pulang daripada menunaikan ibadah itu maut selepas van dinaiki mereka merempuh belakang sebuah treler membawa muatan bijih besi di Kilometer 210.2, Lebu Raya Pantai Timur (LPT) arah Kuantan dekat Gambang awal pagi semalam.

Dalam kemalangan pukul 3.40 pagi, mangsa yang terbunuh ialah Kamarudin, 43, dari Permatang Badak Maju, ibunya, Zainab Awang Hassan, 59, dari Kampung Seri Teruntum dan Fatimah Said, 63, dari Kampung Rozali, Jalan Gambang.

Selain Tuan Mazlinawati, dua lagi jemaah haji yang cedera dalam kejadian itu ialah Rakkiah Ibrahim, 64, dan pemandu van syarikat agensi swasta, Robaie Roslan, 45.

Menurut Tuan Mazlinawati, dia kemudian berjaya keluar tanpa bantuan sesiapa namun tidak mampu membantu mangsa lain kerana takut melihat terlalu banyak darah.

"Saya nampak tiga mangsa termasuk ibu mentua dan suami saya bertindih dan tersepit dalam van dalam keadaan berlumuran darah. Saya juga lihat bibir suami bergerak seperti berkata sesuatu," katanya.

Menurutnya lagi, arwah suami-

nya sempat berpesan supaya menjaga empat anak mereka dengan baik dan belajar bersungguh-sungguh.

"Semasa di Mekah arwah sering melakukan ibadah seorang diri seolah-olah seperti mahu meninggalkan saya selama-lamanya," katanya.

Seorang lagi mangsa yang cedera, **Rakkiah** berkata, sebelum kejadian dia tidak dapat tidur kerana terlalu rindu untuk berjumpa keluarga yang sedang menunggu di Kuantan.

"Ketika sampai di tempat kejadian saya rasa van tiba-tiba berhenti dan rasa seperti terbalik. Apabila sadar arwah Fatimah sedang menghempapnya.

"Masa itu arwah masih bernyawa dan saya sempat meminta maaf dan berkata kita dua orang ini akan mati bersama-sama. Bagaimanapun selepas dibawa keluar, orang ramai di situ memberitahu bahawa Fatimah telah meninggal dunia," katanya.